

# Persaingan sengit 25 jawatan MT

Oleh Kadir Dikoh

BH 24 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Pertandingan merebut 25 jawatan Majlis Tertinggi (MT) Umno pada pemilihan Mei ini, bakal menyaksikan saingan sengit berbanding 1996 berdasarkan jumlah pencalonan sctakat ini.

Selepas 80 bahagian selesai mengadakan mesyuarat mereka sehingga hari ini, sebanyak 104 nama dicalonkan dengan 56 daripadanya melepasi syarat kelayakan iaitu memperoleh lima peratus atau sokongan lapan daripada 165 bahagian.

Pada 1996, 61 calon layak bertanding tetapi enam daripadanya digugurkan sebelum pertandingan kerana terbukti terbabit sama ada dengan politik wang, salah guna kuasa atau melanggar larangan berkempen.

Setakat ini, Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ah Rustam mendahului dengan 79 pencalonan, termasuk dari bahagian Alor Star yang mengadakan mesyuarat hari ini.

Antara muka baru yang mendapat jumlah pencalonan agak banyak ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Salleh; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Samsuddin; Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Seri Shariff Omar; Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Helmi Yahya dan Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), Abdul Azim Mohd Zabidi.

Calon lain termasuk Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh, meskipun kedua-duanya baru-baru ini mengumumkan hasrat tidak mahu bertanding.

Tokoh muda turut menerima jumlah pencalonan menggalakkan seperti Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Datuk Dr Jamaluddin Jarjis; Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Lajim Ukin dan Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Ruhanie Ahmad.

Pada masa sama, jumlah wanita dicalonkan turut meningkat termasuk tiga muka baru iaitu usahawan Datuk Maznah Hamid; Ketua Wanita Umno Bahagian PJ Utara, Raja Ropiaah Raja Ab-

dullah dan Dr Nurraesah Mohamad. Ketiga-tiganya adalah Exco Wanita.

Empat lagi calon wanita ialah Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datin Paduka Zaleha Ismail, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Datuk Napsiah Omar.

Antara calon yang pertama kali bertanding dan menerima sokongan termasuk Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Zainal Dahalan; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Azlan Sultan Abu Bakar; Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman; Exco Perak, Datuk Dr Malek Hanafiah; Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir; Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Ab-

dul Rahman dan Pengerusi KUB, Datuk Hassan Harun.

Turut dicalonkan buat pertama kali ialah tokoh agama, Fadzil Hanafi yang juga ahli exco Kedah; Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr Abdul Latiff Ahmad; Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Tan Aminuddin dan Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Senator Rosh Mat Hassan;

Bagaimanapun, ada juga yang terus menerima pencalonan meskipun gagal dalam percubaan pada 1996 termasuk Datuk Ishak Ismail yang sudah melepasi kelayakan, Datuk Kamal Hussain, Datuk Dr Kamal Salleh, Datuk Railey Jeffrey, Datuk Radzi Manan, Datuk Ishak Ismail, Datuk Nakhaie Ahmad dan Idris Tulis.